



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

2 September 2016 / 30 Zulkaedah 1437H

Sabar: Kepentingan Bersabar

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا،
الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ تَقْدِيرًا،
وَخَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ يَبْتَلِيهِ فَجَعَلَهُ سَمِيعًا بَصِيرًا، ثُمَّ
هَدَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pada hari yang mulia ini, saya ingin mengajak diri saya serta anda semua yang berada di sini untuk kita bertakwa kepada Allah s.w.t. Sedarilah bahawa Dia adalah Tuhan pemilik sekalian alam. Maka ikutlah segala perintahNya dan jauhi segala laranganNya.

Saudara yang dikasihi sekalian,
Semua diantara kita menginginkan rahmat dan pengampunan Allah. Kita bertungkus lumus menjaga amalan serta amal ibadah kita sepanjang hidup, semuanya bertujuan agar meraih keredhaan Allah. Agar kita berjaya menuruti kehendakNya.

Saudaraku, di dalam Al-Quran, terdapat satu sifat yang mana Allah s.w.t telah mengulanginya lebih daripada 100 kali. Bahkan Allah s.w.t. menetapkan bahawa Dia sentiasa bersama mereka yang memiliki sifat ini. Tahukah anda apakah sifat yang saya maksudkan? Sifat yang saya maksudkan ini ialah sifat sabar. Allah s.w.t. berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu, dan perkukuhkanlah ketabahanmu, dan bersedialah serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya, kamu berjaya (mencapai kemenangan).”* (Surah Ali-‘Imran ayat 200)

Saudaraku,
Sabar merupakan salah satu akhlak mulia yang sangat dituntut di dalam Islam. Ia merupakan ciri istimewa kurniaan Allah bagi insan untuk menghadapi kehidupan yang tidak sunyi daripada cabaran.

Saudaraku,

Kadangkala tatkala ujian datang melanda, kita meragui diri ini, sama ada kita mampu untuk bersabar. Dan sejauh mana diri ini mampu untuk bersabar dan bertahan. Ketahuilah saudaraku, anda mampu bertahan dan bersabar. Kerana menurut Imam Al-Ghazali, setiap insan itu mampu untuk bersabar. Lebih-lebih lagi sekiranya anda beriman. Kerana keimanan mengurniakan kekuatan bagi setiap jiwa mukmin untuk bertahan dan bersabar. Allah s.w.t. berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 155-156:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَالْثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾
الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

Yang bermaksud: “Dan sungguh akan Kami berikan ujian kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar. (laitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan: “Inna lillaahi wa innaa ilaihi raaji'uun”

Maka kita menyaksikan melalui fakta sejarah, bahawa sehinggakan nabi Muhammad s.a.w. sendiri pernah diuji Allah. Sama ada dengan ketakutan, kekurangan sumber, seperti yang diriwayatkan Al-Bukhari yang bermaksud: “Keluarga Nabi tidak pernah kenyang, tiga hari selama tiga [berturut-turut],

sehinggalah Rasulullah wafat". [Hadith riwayat Al-Bukhari]. Nabi juga pernah diuji Allah s.w.t. dengan kehilangan nyawa insan yang Baginda kasihi, seperti kematian anaknya Ibrahim. nabi pada ketika itu bersabda: *"Sesungguhnya kedua mata boleh mencurahkan air mata, hati boleh merasa sedih, akan tetapi kami tidaklah boleh mengatakan kecuali apa yang diredhai oleh Tuhan kami dan dengan perpisahanmu ini wahai Ibrahim kami amat bersedih"*. [Hadith riwayat Al-Bukhari]

Kisah-kisah yang baru saya jelaskan sebentar tadi, mendorong kita untuk benar-benar menghayati kepentingan aspek kesabaran dalam kehidupan. Sebagaimana kesabaran junjungan mulia Rasulullah s.a.w serta generasi awal umat Islam bersabar di atas kesusahan hidup, begitulah seharusnya kita memiliki sifat sabar di atas segala cabaran kehidupan.

Saudara yang dikasihi sekalian,
Kurniaan sifat sabar kepada manusia oleh Allah s.w.t. telah memampukan kita untuk terus maju dari satu tamadun kepada tamadun yang seterusnya. Dengan adanya kesabaran, kita secara berterusan belajar dan mengkaji demi untuk memperbaiki mutu kehidupan. Dari situ, lahirlah juga pelbagai cabang ilmu yang mungkin tidak pernah difikirkan oleh generasi sebelum kita dahulu, dan kemanfaatannya akan terus dirasakan oleh generasi yang akan datang. Para ulama juga tidak berhenti dari membincangkan isu-isu semasa serta

memberikan panduan hidup sejajar dengan keadaan kehidupan masa kini agar ilmu agama yang dipelajari terus kekal relevan.

Saudara,

Pada hari ini, tibalah giliran kita untuk meneruskan legasi ini, melalui penerapan aspek sabar dalam kehidupan. Pada hemat saya, penghayatan ciri sabar dalam kehidupan masa kini, menjadi lebih penting lagi dengan tren perkembangan kehidupan moden zaman ini, yang menyebabkan setiap individu ingin memperoleh segala yang diinginkannya. Dengan cara yang pantas, dalam masa yang paling singkat. Sebahagian individu terperangkap dalam dunia yang serba jangka pendek (*short-termism*).

Sebagai contoh, sekiranya kita memesan makanan, kita inginkan khidmat yang paling pantas, makanan pula perlu disiapkan dalam masa yang paling singkat. Tren serta produk yang menjadi kesukaan ramai satu ketika dahulu, mungkin sahaja selang beberapa bulan akan dilupainya. Bahkan pendekatan sebahagian individu dalam mencari maklumat dan ilmu pengetahuan, juga menggunakan jalan pintas tersebut. Ilmu yang diingini adalah yang cepat, maklumat yang ringkas tapi padat. Ia sekaligus, boleh menghasilkan individu yang kurang memerhatikan aspek kesabaran dalam kehidupannya.

Maka, pada hemat saya, kerana pentingnya tajuk ini, khutbah pada minggu-minggu yang mendatang akan membicarakan tentang kelebihan serta cara untuk kita mengamalkan sifat sabar pada zaman ini. Ini termasuklah bersabar dalam menuntut ilmu serta tidak mudah mempercayai segala maklumat yang diperolehi dari laman media. Begitu juga kesabaran dalam membina daya tahan yang kukuh untuk menangani isu keganasan yang kian menggugat keamanan serta kesejahteraan masyarakat kita.

Saudaraku,

Marilah kita menghayati hadith ini, sempena menyambut kedatangan bulan Zulhijjah pada malam ini. Nabi bersabda yang bermaksud: *“Tidak ada hari dimana amalan soleh pada saat itu lebih dicintai oleh Allah daripada hari-hari ini, yaitu: Sepuluh hari dari (awal) bulan Zulhijjah...”* [Hadith riwayat Al-Bukhari]

Maka perbanyakkanlah amal ibadah, zikir serta berdoa kepada Allah sempena hari-hari mulia Zulhijjah ini. Kita berdoa agar Allah s.w.t. mengurniakan kesabaran kepada kita untuk terus beribadah kepadaNya, dan semoga Allah s.w.t. permudahkan segala urusan kita.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.